

BAB 6

PEMILIHAN BAHASA DI KALANGAN ANGGOTA KOMUNITI RAJANG-TANJONG

6.0 Pengenalan

Pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam sesuatu komuniti dapat dikesan melalui bentuk pemilihan bahasa yang berlaku dalam komuniti tersebut. Untuk melihat pemeliharaan dan penyisihan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong ini, terlebih dahulu bentuk pemilihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti ini diteliti. Pemilihan bahasa berlaku kerana seperti yang telah diterangkan dalam bab yang lalu, terdapat lebih daripada satu bahasa dalam komuniti ini. Di dalam komuniti Rajang-Tanjong ini terdapat sekurang-kurangnya empat bahasa, iaitu bahasa Tanjong, bahasa Kanowit, bahasa Melayu dan bahasa Iban. Setiap anggota komuniti ini menguasai lebih daripada satu bahasa, sekurang-kurangnya dua bahasa. Apabila anggota komuniti ini bersifat pelbagai bahasa, maka berlakulah pemilihan terhadap bahasa mana yang patut digunakan dalam sesuatu masa (seperti yang telah diterangkan dalam bab 2) .

6.1 Domain penggunaan bahasa dalam komuniti Rajang-Tanjong

Dalam usaha mengkaji bentuk pemilihan bahasa di kalangan anggota komuniti Rajang-Tanjong ini, telah dapat dikesan lapan domain penggunaan bahasa yang terbentuk dari gabungan tempat, topik dan peserta. (Fishman 1964, Greenfield 1972,

Parasher 1980). Penggunaan bahasa dalam kelapan-lapan domain ini diselidiki untuk melihat bahasa yang mana digunakan dan yang mana pula ditinggalkan dan dari sini dapatlah dikesan bahasa mana yang mengalami pemeliharaan dan bahasa yang mana pula mengalami penyisihan.

Lapan domain yang dikesan dalam komuniti Rajang-Tanjong adalah domain-domain kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, jual-beli, keagamaan, pendidikan, pemerintahan dan yang terakhir adalah domain pekerjaan. Domain kekeluargaan adalah situasi perbualan dengan anggota keluarga terdekat dalam situasi tidak formal. Topik perbualan berkisar tentang hal-ehwal kekeluargaan dan juga topik kehidupan seharian. Domain kekeluargaan ini dibahagikan kepada empat jenis, iaitu perhubungan dengan ibu bapa, perhubungan dengan adik beradik, perhubungan antara suami isteri, dan perhubungan dengan anak-anak.

Domain kejiranan pula adalah situasi perhubungan dengan orang yang rumahnya terletak di sekeliling rumah responden. Dalam situasi rumah panjang, semua bilik/unit yang terdapat dalam sesebuah rumah panjang itu dianggap sebagai berjiran. Bagi rumah sebuah-sebuah pula, semua rumah yang terdapat dalam satu kelompok itu dianggap berjiran. Penempatan komuniti yang dikaji, selain daripada rumah panjang, adalah berbentuk kelompok beberapa buah rumah yang dibina secara berdekatan. Jarak di antara satu kelompok rumah sebuah-sebuah dengan kelompok yang lain agak jauh dan sering terdapat halangan geografi seperti sungai, gunung dan hutan tebal.

Domain kejiranan ini dibezakan dari domain persahabatan. Domain kejiranan terhad di sekitar perkampungan komuniti ini sahaja. Domain persahabatan pula lebih luas, yakni tidak terhad di perkampungan mereka sahaja, domain ini boleh berlatarkan tempat kerja (lebih-lebih lagi sebahagian besar anggota komuniti ini bekerja di kem-kem balak yang jauh di pedalaman dan akan berada di sana selama dua hingga tiga minggu bagi satu-satu masa), di pekan Kapit dan sebagainya. Peserta dalam domain persahabatan ini juga lebih pelbagai, sahabat tidak hanya terdiri daripada anggota komuniti ini sahaja. Sahabat mereka terdiri daripada orang Melayu, Cina, Iban, dan kaum-kaum Orang Hulu yang lain seperti Kayan, Punan, Kenyah, Lahanan, Lisum dan lain-lain. Dari keadaan ini maka akan berlaku bentuk pemilihan bahasa yang berbeza antara kedua-dua domain ini kerana identiti interlocutor memainkan peranan penting dalam pemilihan bahasa. (Gal 1978). Untuk tujuan kajian ini, domain dibahagikan kepada dua, iaitu domain persahabatan yang berlatarkan kawasan perkampungan komuniti ini dan yang kedua pula adalah domain persahabatan yang berlatarkan tempat di luar kawasan perkampungan komuniti ini.

Domain seterusnya adalah domain jual-beli, domain ini terbentuk dalam situasi perhubungan dengan pekedai dan peniaga. Sebahagian besar urusan jual-beli ini berlaku di pekan Kapit yang majoriti peniagaanya adalah bangsa Cina. Di samping itu terdapat juga peniaga dari bangsa Melayu, Iban dan pribumi lain. Kadang kala terdapat juga domain jual-beli ini berlatarkan rumah anggota komuniti ini, iaitu apabila jurujual datang terus ke rumah. Dari maklumat yang diperolehi dari buku daftar pelawat di rumah ketua kampung Nanga Serian, didapati jurujual jenis ini terdiri dari orang Cina yang datang sebagai agen menjual barangan elektrik tetapi

kedatangan mereka adalah jarang-jarang sekali. Dengan itu bolehlah dikatakan domain jual-beli ini berlatarkan pekan Kapit sahaja.

Anggota komuniti Rajang-Tanjong ini beragama Kristian. Domain keagamaan yang terdapat dalam komuniti ini berlatarkan rumah, gereja dan juga tanah perkuburan. Keadaan yang masuk dalam domain ini adalah situasi sembahyang dan berdoa di gereja dan juga di rumah serta upacara pengkebumian. Upacara perkahwinan berlaku dalam dua domain, iaitu domain keagamaan ketika berlangsungnya upacara pernikahan di gereja dan domain kerajaan ketika upacara pendaftaran perkahwinan di Pejabat Daerah. Walaupun komuniti ini beragama Kristian, banyak upacara dan kepercayaan mereka yang bersifat animistik. Dengan itu didapati penglibatan anggota ini dalam upacara agama Kristian adalah amat minimal dan anggota yang terlibat juga sangat sedikit.

Domain seterusnya yang terdapat dalam komuniti Rajang-Tanjong ini adalah domain pendidikan. Domain pendidikan ini adalah situasi perbualan mengenai topik yang bersangkutan dengan pelajaran dengan guru dan pelajar lain. Pelajar lain di sini kemungkinan juga sahabat penutur, tetapi disebabkan topik yang dibincangkan dan latar perbualan tersebut di sekolah, maka keadaan ini masih dianggap sebagai domain pendidikan, bukannya domain persahabatan. Domain ini hanya melibatkan anggota komuniti yang masih bersekolah dan juga yang menuntut di institusi pengajian tinggi.

Domain pemerintahan pula adalah situasi perhubungan anggota komuniti ini dengan kakitangan kerajaan atas urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan

rasmi. Domain ini berlatarkan pejabat-pejabat badan kerajaan seperti Jabatan Penerangan, Pejabat Daerah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pertanian dan sebagainya. Perhubungan mereka ini atas urusan rasmi seperti pendaftaran kelahiran, pendaftaran nikah cerai, urusan kad pengenalan, memohon bantuan pertanian dan sebagainya. Kakitangan kerajaan yang mereka temui ini ada juga yang merupakan jiran atau sahabat mereka, tetapi masih di dalam domain pemerintahan kerana topik perbualan adalah mengenai urusan pentadbiran dan latarnya adalah di pejabat agensi kerajaan.

Domain terakhir yang dapat dikesan dalam komuniti yang dikaji ini adalah domain pekerjaan. Keadaan yang masuk dalam domain ini adalah pekerjaan makan gaji dengan kerajaan dan juga swasta. Ada anggota komuniti ini bekerja dengan agensi kerajaan di Kapit, tetapi sebahagian besar anggota komuniti ini bekerja dengan beberapa buah syarikat pembalakan yang terdapat di sini. Pekerjaan sendiri juga dimasukkan dalam domain ini tetapi pekerjaan itu mestilah merupakan kerja tetap dan merupakan sumber pendapatan mereka. Kerja sendiri yang dimasukkan dalam domain ini adalah bekerja sebagai pengangkut barang di jeti Kapit. Pekerjaan sendiri lain yang terdapat dalam komuniti ini adalah menangkap ikan secara sambilan dan berhuma. Kedua-dua pekerjaan ini tidak dimasukkan dalam domain ini kerana ini hanyalah kerja sambilan dan dilakukan dalam lingkungan keluarga sahaja, maka boleh dimasukkan dalam domain kekeluargaan.

6.1.1 Domain kekeluargaan

Dalam domain kekeluargaan, penulis akan melihat bahasa yang digunakan oleh responden dalam perhubungan dengan ahli keluarga terdekat.

6.1.1a Perhubungan dengan ibu bapa

Daripada sejumlah sembilan puluh satu orang responden, sebelas orang, iaitu 12.1% responden mengaku menggunakan bahasa Tanjong semasa berhubung dengan ibu bapa mereka. Mereka ini termasuklah yang ibu bapa mereka sudah tiada, mereka ditanya tentang bahasa yang digunakan dengan ibu bapa mereka ketika ibu bapa mereka masih hidup.

Seramai tujuh puluh tujuh orang responden, iaitu 84.6% mengaku menggunakan bahasa Kanowit sebagai bahasa perhubungan apabila berhubung dengan ibu bapa mereka. Golongan ini terdiri daripada responden yang berketurunan Tanjong, Kanowit dan Campur. Mereka terdiri daripada semua peringkat umur, kecuali yang berketurunan Tanjong. Bagi responden yang berketurunan Tanjong, responden yang menggunakan bahasa Kanowit adalah yang berumur lebih tiga puluh enam tahun.

Baki seramai tiga orang responden, iaitu 3.3% adalah orang luar yang masuk ke dalam komuniti ini. Mereka terdiri daripada responden yang berketurunan Iban dan Kayan. Mereka menggunakan bahasa ibunda mereka masing-masing dalam perhubungan dengan ibu bapa.

Jadual 6.1 : Bahasa yang digunakan dalam perhubungan dengan ibu bapa

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	11	12.1
Kanowit	77	84.6
Lain-lain	3	3.3
Jumlah	91	100.0

Jadual di atas menunjukkan bahawa bahasa Kanowit digunakan oleh sebahagian besar anggota komuniti ini ketika berhubung dengan ibu bapa. Anggota komuniti yang berketurunan Tanjong sendiri ramai yang tidak menggunakan bahasa Tanjong dalam perhubungan dengan ibu bapa mereka. Seramai 45% daripada jumlah keseluruhan responden adalah responden berketurunan Tanjong tetapi daripada jadual di atas didapati hanya 12.1% sahaja yang menggunakan bahasa Tanjong. Ini bermakna sebahagian besar responden berketurunan Tanjong ini menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan dengan ibu bapa mereka. Responden yang berketurunan Tanjong yang menggunakan bahasa ibunda apabila berhubung dengan ibu bapa adalah terdiri daripada responden yang berumur lebih tiga puluh enam tahun.

6.1.1b Perhubungan dengan adik beradik

Dalam perhubungan dengan adik beradik, sebelas orang responden, iaitu 12.1% mengaku memilih bahasa Tanjong. Responden ini sama dengan responden yang memilih menggunakan bahasa Tanjong dengan ibu bapa. Seramai tujuh puluh tujuh orang lagi, iaitu 84.6% menggunakan bahasa Kanowit. Tiga orang responden lagi, iaitu yang merupakan suku kaum lain yang masuk dalam komuniti ini mengaku menggunakan bahasa ibunda mereka dalam perhubungan dengan adik beradik ini. Dalam perhubungan dengan adik beradik ipar pula, seorang daripada responden jenis ini menggunakan bahasa Kanowit dengan adik beradik ipar beliau. Responden ini berketurunan Kayan dan telah berkahwin dengan wanita keturunan Tanjong serta tinggal bersama komuniti ini sejak tahun 60-an. Walaupun sudah lama berkahwin dan sudah lama tinggal di dalam komuniti ini, beliau tidak boleh bertutur dalam bahasa ibunda isterinya. Beliau menggunakan bahasa Kanowit sebagai bahasa perhubungan dengan isteri dan adik beradik iparnya.

Jadual 6.2 : Bahasa yang digunakan dalam perhubungan dengan adik beradik

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	11	12.1
Kanowit	77	84.6
Lain-lain	3	3.3
Jumlah	91	100.0

Daripada jadual di atas, didapati bahasa yang menjadi pilihan utama dalam perhubungan dengan adik beradik adalah bahasa Kanowit. Bahasa ini digunakan oleh sebahagian besar responden, iaitu 84.6%. Terdapat juga sebilangan yang menggunakan bahasa Tanjong dalam situasi ini, iaitu seramai 12.1% dan ada juga yang menggunakan bahasa lain, tetapi jumlahnya amat sedikit, iaitu 3.3%.

6.1.1c Perhubungan antara suami isteri

Dalam perhubungan suami isteri pula, penguasaan bahasa individu dan pasangan merupakan faktor utama menentukan pemilihan. Seramai enam puluh dua orang daripada sembilan puluh satu orang responden telah berkahwin. Pola pemilihan bahasa dalam perhubungan suami isteri adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 6.3 : Bahasa yang digunakan dalam perhubungan antara suami isteri

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	5	8.1
Kanowit	51	82.2
Kan. + Iban	6	9.7
Jumlah	62	100.0

Dari jadual di atas, didapati hanya lima orang responden, iaitu 8.1% daripada jumlah keseluruhan responden yang telah berkahwin mengaku menggunakan bahasa Tanjong dalam perhubungan antara suami isteri. Mereka ini terdiri daripada pasangan yang kedua-duanya datang dari keturunan Tanjong dan berumur lebih empat puluh tahun. Walaupun pasangan ini menggunakan bahasa Tanjong semasa berbual sesama sendiri, berlaku satu keadaan yang berlainan dalam perhubungan dengan anak-anak (akan diterangkan dalam 6.1.1d).

Seramai lima puluh satu orang responden, iaitu 82.2% menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan antara suami isteri. Responden yang memilih bahasa Kanowit ini terdiri daripada pasangan yang sama ada kedua-duanya berketurunan Tanjong, kedua-duanya berketurunan Kanowit atau kedua-duanya datang dari keturunan yang berbeza.

Selain daripada bahasa Tanjong dan Kanowit, terdapat juga pasangan yang memilih untuk menggunakan lebih daripada satu bahasa. Mereka menggunakan bahasa Kanowit dan Iban secara alih kod. Keadaan ini berlaku kerana pasangan mereka atau responden itu sendiri adalah orang luar yang fasih berbahasa Iban dan tahu serba sedikit bahasa Kanowit. Terdapat seramai enam orang, iaitu 9.7% responden yang mengaku menggunakan percampuran bahasa Kanowit dan bahasa Iban dalam perhubungan antara suami dan isteri.

Dalam perhubungan dengan ipar duai, mertua serta menantu yang merupakan orang luar, yakni bukan berketurunan Tanjong atau Kanowit, bahasa yang dipilih untuk digunakan adalah bahasa Iban dan bahasa Melayu basahan.

6.1.1d Perhubungan dengan anak-anak


Daripada sejumlah sembilan puluh satu orang responden, seramai enam puluh satu orang daripada mereka telah mempunyai anak. Pemilihan bahasa dalam perhubungan dengan anak-anak penting diteliti kerana penggunaan bahasa dengan anak-anaklah yang akan menentukan penguasaan bahasa anak. Pada umumnya, jika sesuatu bahasa itu digunakan oleh ibu bapa dalam perhubungan dengan anak-anak, maka bahasa itu akan digunakan oleh anak-anak tersebut secara meluas. Berlaku penurunan bahasa dari ibu bapa kepada anak-anak. Ini penting untuk menjamin pengekalannya sesuatu bahasa.

Pemilihan bahasa dalam perhubungan antara ibu bapa dengan anak-anak adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 6.3 : Bahasa yang digunakan dalam perhubungan dengan anak-anak

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	5	8.2
Kanowit	51	83.6
Kan. + Iban	5	8.2
Jumlah	61	100.0

Daripada jadual di atas, didapati lima orang responden, iaitu 8.2% daripada jumlah responden yang mempunyai anak mengaku menggunakan bahasa Tanjong dengan anak-anak. Kedua-dua ibu bapa menggunakan bahasa Tanjong dengan anak-anak tetapi anak-anak pula menggunakan bahasa Kanowit atau percampuran antara bahasa Tanjong dengan Kanowit apabila berhubung dengan ibu bapa mereka. Sesama anak pula, mereka lebih gemar menggunakan bahasa Kanowit. Bentuk perhubungan adalah seperti yang ditunjukkan dalam skema di bawah.



Majoriti responden mengaku menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan dengan anak-anak, iaitu seramai lima puluh satu orang atau 83.6%. Selain daripada bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit, terdapat lima orang responden,

iaitu 8.2% menggunakan percampuran bahasa Kanowit dan Iban secara tukar ganti. Responden jenis ini terdiri daripada orang luar yang masuk ke dalam komuniti ini. Dengan ini didapati secara umumnya semua kanak-kanak dalam komuniti ini menguasai bahasa Kanowit. Dalam keluarga yang ibu bapa datang dari keturunan yang berbeza, bahasa Kanowit masih digunakan secara alih kod dengan bahasa Iban.

6.1.2 Domain kejiwaan

Dalam domain kejiwaan, terdapat tiga bahasa yang digunakan oleh komuniti Rajang-Tanjong ini. Pemilihan bahasa mereka bergantung kepada penguasaan bahasa individu dan penguasaan bahasa jiran yang menjadi interlokutor. Kedudukan rumah, yang menentukan siapa jiran responden juga mempengaruhi bahasa yang digunakan. Bahasa yang dipilih sama ada bahasa Tanjong, Kanowit atau Iban. Pemilihan bahasa dalam domain ini adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 6.5 : Bahasa yang digunakan dalam perhubungan dengan jiran

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong dan/atau Kanowit	23	25.3
Kanowit	60	65.9
Kanowit dan Iban	6	6.6
Iban	2	2.2
Jumlah	91	100.0

Daripada sembilan puluh satu orang responden, didapati dua puluh tiga orang, iaitu 25.3% mengaku menggunakan sama ada bahasa Tanjong atau Kanowit, atau menggunakan kedua-dua bahasa ini secara alih kod. Responden jenis ini terdiri daripada yang berketurunan Tanjong dan tinggal di rumah panjang Mbawang. Penghuni rumah panjang ini sebahagian besarnya berketurunan Tanjong, namun demikian, ada juga penghuninya yang tidak mahir dan tidak faham bahasa Tanjong. Dengan jiran yang boleh berbahasa Tanjong, responden jenis ini akan menggunakan bahasa Tanjong dan dengan jiran yang tidak boleh berbahasa Tanjong pula, mereka akan menggunakan bahasa Kanowit atau bahasa Tanjong dan Kanowit secara alih kod. Semasa kajian ini dijalankan, salah seorang penghuni rumah panjang ini baru berkahwin dengan wanita keturunan Iban. Responden yang ditemu bual mengaku menggunakan bahasa Iban dengan wanita ini, yang mana baru tiga bulan menjadi jiran mereka.

Seramai enam puluh orang responden, iaitu 65.9% daripada jumlah keseluruhan responden mengaku menggunakan bahasa Kanowit dengan jiran-jiran mereka. Responden yang memilih menggunakan hanya bahasa Kanowit ini terdiri daripada mereka yang tinggal di Rumah Panjang Penghulu dan rumah sebuah-sebuah. Sebahagian besar penghuni rumah panjang ini adalah berketurunan Kanowit dan campur, dengan itu bahasa Tanjong langsung tidak digunakan kerana tidak ada penduduk yang boleh bertutur dalam bahasa tersebut di sini.

Terdapat juga responden yang mengaku menggunakan bahasa Kanowit dan Iban dengan jiran mereka. Mereka ini seramai enam orang atau 6.6% daripada

jumlah keseluruhan responden. Responden jenis ini tinggal di rumah sebuah-sebuah di Nanga Man, iaitu di tebing kanan Sungai Rejang. Di sini terdapat beberapa buah rumah masyarakat Iban di dalam kelompok rumah sebuah-sebuah ini. Dengan itu, responden yang tinggal di sini memilih menggunakan bahasa Iban apabila berhubung dengan jiran Iban mereka dan bahasa Kanowit pula digunakan dengan jiran yang merupakan anggota komuniti Rajang-Tanjong. Di samping itu terdapat juga responden yang hanya menggunakan bahasa Iban dalam domain kejiwaan ini. Terdapat dua orang responden, iaitu 2.2% yang memilih hanya bahasa Iban sahaja. Kedua-dua mereka ini adalah orang Iban yang masuk ke dalam komuniti ini melalui perkahwinan dan masih belum boleh bertutur dan memahami bahasa Kanowit atau bahasa Tanjong.

6.1.3 Domain persahabatan

Dalam domain persahabatan, ada beberapa perkara yang mempengaruhi pemilihan bahasa anggota komuniti Rajang-Tanjong ini. Selain daripada penguasaan bahasa individu, faktor lain yang mempengaruhi pemilihan bahasa adalah latar tempat tinggal sahabat yang menjadi interlokutor, situasi dan juga latar belakang sahabat. Untuk memudahkan kajian, penulis membahagikan tempat perbualan dengan sahabat yang menjadi interlokutor kepada dua, iaitu di kawasan perkampungan mereka, dan di luar kawasan perkampungan mereka.

6.1.3a Domain persahabatan di kawasan perkampungan

Bahasa yang dipilih oleh responden dalam perhubungan dengan sahabat di kalangan anggota komuniti Rajang-Tanjong di kawasan perkampungan adalah sama ada bahasa Tanjong atau Kanowit. Pemilihan bahasa yang mana di antara dua bahasa ini yang digunakan bergantung kepada penguasaan bahasa individu dan penguasaan bahasa interlocutor mereka.

Dalam domain persahabatan di kawasan perkampungan komuniti Rajang-Tanjong ini, daripada jumlah keseluruhan responden, dua puluh tiga orang daripadanya, iaitu 25.3% mengaku menggunakan sama ada bahasa Tanjong atau bahasa Kanowit. Mereka ini terdiri daripada responden berketurunan Tanjong yang fasih dan yang kurang fasih berbahasa Tanjong. Mereka akan menggunakan bahasa Tanjong dengan sahabat yang boleh berbahasa Tanjong, manakala dengan sahabat yang tidak boleh berbahasa Tanjong, yakni yang boleh berbahasa Kanowit, mereka akan menggunakan bahasa Kanowit. Responden jenis ini juga mengaku menggunakan kedua-dua bahasa secara alih kod, iaitu apabila berbual dalam kumpulan yang ramai dan juga ketika berbual dengan rakan yang juga merupakan keturunan Tanjong tetapi tahap penguasaan bahasa Tanjongnya hanya pada tahap faham. Penggunaan bahasa Tanjong dan Kanowit secara alih kod ini sering juga dilakukan oleh responden yang kurang fasih bahasa Tanjong apabila berbual dengan anggota komuniti yang seketurunan dengannya. Dengan anggota komuniti dari keturunan Kanowit dan campur, mereka menggunakan bahasa Kanowit.

Selain daripada responden yang memilih menggunakan bahasa Tanjong atau Kanowit, atau percampuran kedua-dua bahasa, terdapat juga responden yang menggunakan bahasa Kanowit sahaja dalam domain ini. Responden ini merupakan golongan yang teramai dalam komuniti ini. Seramai tujuh puluh dua orang, iaitu 79.1% mengaku memilih bahasa Kanowit sahaja dalam domain ini di kawasan perkampungan mereka. Responden yang memilih bahasa Kanowit sahaja ini terdiri daripada yang berketurunan Kanowit, berketurunan campur dan juga yang berketurunan Tanjong tetapi yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Tanjong.

Terdapat juga responden yang memilih untuk menggunakan bahasa lain selain daripada bahasa Tanjong dan Kanowit dalam domain ini. Seramai dua orang responden, iaitu 2.2% daripada jumlah keseluruhan responden memilih bahasa Iban dalam domain ini. Mereka terdiri daripada orang Iban yang baru masuk dalam komuniti ini melalui perkahwinan.

Jadual 6.6 : Bahasa yang digunakan dalam domain persahabatan di kawasan perkampungan komuniti Rajang-Tanjong

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong dan/atau Kanowit	17	18.7
Kanowit sahaja	72	79.1
Iban	2	2.2
Jumlah	91	100.0

Bentuk pemilihan bahasa seperti dalam jadual di atas adalah bagi perhubungan dengan sahabat yang merupakan anggota komuniti Rajang-Tanjong ini. Bahasa yang dipilih untuk berhubung dengan sahabat yang merupakan orang luar yang datang melawat perkampungan mereka dari masa ke semasa adalah berbagai, yakni bergantung kepada bangsa sahabat yang datang dan juga penguasaan bahasa responden itu sendiri. Bahasa yang paling kerap digunakan adalah bahasa Iban. Selain daripada bahasa Iban, ada juga beberapa orang responden yang mengaku menggunakan bahasa Baketan dan bahasa Punan. Bahasa ini digunakan oleh responden yang boleh bertutur dalam bahasa ini dengan sahabat yang datang dari bangsa tersebut. Bagi responden tidak boleh bertutur dalam kedua-dua bahasa ini, mereka memilih untuk menggunakan bahasa Iban. Bahasa Melayu, sama ada bahasa Melayu standard atau bahasa Melayu basahan amat jarang sekali digunakan dalam domain persahabatan di kawasan perkampungan ini. Sahabat yang berbangsa Melayu jarang sekali datang ke perkampungan komuniti ini kerana selain daripada kesukaran perhubungan pengangkutan, antara bangsa Melayu dan komuniti ini terdapat perbezaan budaya dan agama. Pergaulan antara bangsa Melayu dan anggota komuniti ini hanya terhad di Pekan Kapit atau di tempat kerja sahaja.

6.1.3b Pemilihan bahasa dalam domain persahabatan di luar kawasan perkampungan komuniti Rajang-Tanjong

Perkampungan komuniti Rajang-Tanjong ini terletak kira-kira 4 Km dari pekan Kapit. Walaupun tidak jauh, tetapi tidak ada jalan darat yang menghubungkan perkampungan mereka dengan pekan Kapit ini. Penduduk perkampungan ini

terpaksa menggunakan pengangkutan air, iaitu perahu panjang berinjin sangkut yang sama ada kepunyaan sendiri atau menumpang perahu jiran sekampung. Di pekan Kapit inilah anggota komuniti Rajang-Tanjong ini dapat bertemu dengan sahabat yang terdiri daripada bangsa Iban, Cina, Melayu dan kaum Orang Hulu yang lain seperti Kayan, Kenyah, Baketan, Punan dan lain-lain.

Dalam perhubungan dengan sahabat di pekan Kapit, responden tidak menggunakan bahasa Kanowit atau Tanjong, kecuali dengan sahabat yang merupakan anggota komuniti Rajang-Tanjong. Bahasa yang paling kerap digunakan adalah bahasa Iban. Bahasa ini digunakan untuk berbual dengan sahabat yang berketurunan Iban dan juga dengan sahabat berbangsa Cina yang mana, kebanyakan mereka fasih berbahasa Iban. Bagi perhubungan dengan sahabat berbangsa Cina yang tidak boleh berbahasa Iban pula, responden menggunakan bahasa Melayu basahan, bahasa ini juga digunakan apabila berbual dengan sahabat yang berketurunan Melayu.

Bagi perhubungan dengan dengan sahabat yang berketurunan Orang Hulu, bahasa yang digunakan bergantung kepada penguasaan bahasa responden. Jika responden boleh bertutur dalam bahasa sahabatnya itu, maka bahasa itulah yang digunakan, dan jika responden tidak boleh bertutur dalam bahasa sahabatnya itu, maka responden mengaku memilih menggunakan bahasa Iban. Tidak seorangpun responden mengaku menggunakan bahasa Tanjong atau Kanowit dalam situasi ini.

6.1.4 Domain jual beli

Domain jual beli terbentuk dalam situasi perhubungan antara anggota komuniti Rajang-Tanjong dengan pekedai dan peniaga di pekan Kapit. Peniaga dan pekedai di pekan Kapit ini majoritinya berbangsa Cina. Terdapat juga orang Melayu yang menjalankan aktiviti perniagaan terutamanya di kawasan bazaar yang baru dibina. Peniaga Melayu kebanyakannya berniaga makanan di kedai dan gerai sendiri dan ada juga yang menyewa di satu sudut dalam kedai kopi Cina. Selain daripada orang Cina dan Melayu, terdapat juga orang Iban dan Orang Hulu yang berniaga di pekan Kapit ini. Perniagaan mereka tertumpu di kawasan pasar, yakni di kawasan terbuka di luar pasar tertutup. Perniagaan di tempat terbuka di hadapan pasar ini dijalankan pada waktu pagi sahaja. Barangan yang diperniagakan adalah hasil kampung dan hutan seperti sayur-sayuran kampung dan ulam-ulaman hutan. Termasuk juga binatang ternakan seperti ayam itik dan binatang buruan seperti rusa, kijang dan babi hutan. Selain daripada berniaga di pasar terbuka ini, terdapat juga peniaga pribumi ini yang berniaga makanan di bazaar yang baru dibina.

Dalam domain jual beli ini, responden memilih menggunakan sama ada bahasa Iban atau bahasa Melayu basahan. Bahasa Iban digunakan dalam perhubungandengan peniaga Cina yang boleh berbahasa Iban di samping digunakan dengan peniaga berketurunan Iban dan Orang Hulu. Bahasa Melayu basahan digunakan dalam perhubungan dengan peniaga berketurunan Melayu dan dengan peniaga Cina yang tidak boleh berbahasa Iban.

6.1.5 Domain keagamaan

Anggota komuniti Rajang-Tanjong ini beragama Kristian dan domain keagamaan adalah situasi berlakunya upacara keagamaan sama ada berlatarkan rumah, gereja dan lain-lain seperti di tanah perkuburan dalam upacara pengkebumian. Bahasa yang digunakan dalam domain ini bergantung kepada tempat, dan orang lain yang terlibat dalam upacara tersebut.

Ketika berdoa bersendirian di rumah, dadapati sebelas orang responden, iaitu 12.1% mengaku menggunakan bahasa Tanjong, manakala tujuh puluh tujuh orang, atau 84.6% pula mengaku menggunakan bahasa Kanowit. Selebihnya, seramai tiga orang, atau 3.3% mengaku menggunakan bahasa lain selain bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit, mereka menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Iban dan bahasa Kayan.

Jadual 6.7 : Bahasa yang digunakan ketika berdoa secara bersendirian di rumah

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	11	12.1
Kanowit	77	84.6
Lain-lain	3	3.3
Jumlah	91	100.0

Pemilihan bahasa dalam domain keagamaan seperti dalam jadual di atas terhad ketika berdoa secara bersendirian di rumah. Dalam situasi berdoa di gereja pula, bentuk pemilihan bahasa agak berbeza, didapati empat orang responden, iaitu 4.4% daripada jumlah keseluruhan responden memilih menggunakan bahasa Tanjong, dan lapan orang, iaitu 8.8% memilih menggunakan bahasa Kanowit. Sebahagian besar responden, iaitu seramai tujuh puluh sembilan orang, atau 86.8% memilih menggunakan bahasa Iban.

Jadual 6.8 : Bahasa yang digunakan ketika berdoa secara bersendirian di gereja

Bahasa	Keseluruhan Responden	
	Bil.	%
Tanjong	4	4.4
Kanowit	8	8.8
Lain-lain	79	86.8
Jumlah	91	100.0

Daripada kedua-dua jadual di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan bentuk pemilihan bahasa dalam domain ini walaupun dalam fungsi yang sama, iaitu berdoa secara bersendirian. Faktor yang membezakan bentuk pemilihan ini adalah tempat, iaitu satu di rumah dan satu lagi di gereja. Dalam domain ini di rumah, responden lebih suka memilih menggunakan bahasa ibunda sendiri, manakala di gereja pula, sebahagian besar daripada responden memilih menggunakan bahasa

Iban. Keadaan ini disebabkan situasi di tempat tersebut, yakni di gereja keadaannya lebih formal dan terdapat orang lain di sekeliling. Keadaan ini mempengaruhi penggunaan bahasa mereka walaupun ketika berdoa di dalam hati. Lebih-lebih lagi, di kawasan kajian ini bahasa Iban digunakan dalam upacara di gereja selain daripada bahasa Cina. Di rumah pula situasi berbeza dan tidak ada orang lain di sekeliling serta dalam keadaan yang lebih individu.

Di pekan Kapit, upacara keagamaan di gereja dijalankan dalam bahasa Inggeris, Cina dan Iban. Anggota komuniti Rajang-Tanjong ini menghadiri sesi yang menggunakan bahasa Iban. Begitu juga apabila berlaku kematian, upacara di tanah perkuburan di jalankan dalam bahasa Iban.

6.1.6 Domain pendidikan

Dalam domain pendidikan ini, penulis melihat bentuk pemilihan bahasa yang berlaku di kalangan responden yang masih bersekolah dan juga menuntut di institusi pengajian tinggi. Bentuk pemilihan yang dilihat adalah komunikasi di dalam bilik darjah, iaitu antara pelajar dengan guru dan antara sesama pelajar. Selain daripada itu, bentuk pemilihan juga akan dilihat dalam komunikasi di luar bilik darjah, tetapi masih dalam kawasan sekolah.

Daripada sejumlah sembilan puluh satu orang responden, seramai lapan belas orang masih belajar. Mereka ini terdiri daripada tujuh belas orang pelajar sekolah dan seorang pelajar luar kampus Universiti Sains Malaysia. Pelajar sekolah terdiri daripada pelajar darjah enam hingga tingkatan empat.

Daripada soal selidik yang telah dijalankan, kesemua responden mengaku menggunakan bahasa Malaysia standard dalam situasi berhubung dengan guru semasa waktu persekolahan. Bahasa Melayu standard tetap digunakan walaupun bukan semua guru terdiri daripada orang Melayu. Mereka menggunakan bahasa Melayu standard selaras dengan dasar pendidikan negara yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar persekolahan. Bahasa Melayu standard ini tetap digunakan oleh responden untuk berhubung dengan guru walaupun di luar waktu sekolah.

Dalam perhubungan sesama pelajar pula, terdapat dua bahasa yang menjadi pilihan responden, iaitu bahasa Melayu basahan (bahasa Melayu Sarawak kolokial) dan bahasa Melayu standard. Bahasa Melayu basahan digunakan dalam perbualan di sekolah tanpa penyeliaan guru, yakni ketika ketiadaan guru di dalam kelas dan juga waktu rehat. Dalam perbualan dan perbincangan dengan kawan-kawan mengenai pelajaran dengan penyeliaan guru, mereka menggunakan bahasa Melayu standard, walau bagaimanapun, bahasa Melayu standard yang mereka gunakan kadang kala diselitkan juga dengan perkataan bahasa Melayu basahan. Perkataan yang sering diselitkan adalah kata 'auk' yang bermaksud 'ya' dan 'sik' yang bermaksud 'tidak'.

Bagi responden yang merupakan pelajar luar kampus USM, beliau juga menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu basahan dalam domain pendidikan ini. Bahasa Melayu standard digunakan sepenuhnya semasa berada di kampus Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, dalam perbincangan mengenai pelajaran dengan rakan sekursus di Sarawak, beliau menggunakan bahasa Melayu

basahan dan bahasa Melayu standard. Di kampus Pulau Pinang juga, ada kalanya beliau menggunakan bahasa Melayu basahan apabila berbincang dengan rakan-rakan yang datang dari negeri Sarawak.

Secara keseluruhannya, dalam domain pendidikan ini bahasa ibunda tidak digunakan. Bahasa yang dipilih adalah bahasa Melayu, sama ada bahasa Melayu standard atau bahasa Melayu basahan. Ini selari dengan dasar pendidikan negara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan. Selain daripada bahasa Melayu, ada juga responden yang mengaku menggunakan bahasa Kanowit dan Iban, tetapi penggunaan bahasa ini terhad dalam perhubungan sesama sendiri di luar bilik darjah, keadaan ini dimasukkan dalam domain persahabatan.

6.1.7 Domain pemerintahan

Domain pemerintahan adalah situasi perhubungan antara anggota komuniti Rajang-Tanjong ini dengan kakitangan kerajaan. Perhubungan ini selalunya berlaku di pekan Kapit. Anggota komuniti ini berhubung dengan kakitangan kerajaan seperti dalam urusan pendaftaran nikah cerai di Pejabat Daerah, urusan pendaftaran kad pengenalan di Pejabat Pendaftaran Negara, di klinik dan hospital ketika memerlukan rawatan, dan dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Penerangan, Polis dan sebagainya. Hampir semua perhubungan dengan kakitangan kerajaan berlangsung di pekan Kapit kerana di sinilah terletak pusat pentadbiran Daerah Kapit dan semua jabatan kerajaan terletak di pekan ini.

Bahasa yang digunakan dalam domain ini adalah bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu basahan. Terdapat juga responden yang menggunakan bahasa Iban dalam domain ini. Pemilihan bahasa yang mana patut digunakan di antara ke tiga-tiga bahasa ini bergantung kepada media perhubungan dan kebolehan berbahasa individu. Dalam perhubungan yang menggunakan media bertulis seperti surat, bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu standard. Bahasa ini juga digunakan dalam mengisi borang di jabatan-jabatan kerajaan. Bagi responden yang tidak boleh menulis, mereka meminta bantuan bantuan orang lain dan sering juga mereka meminta bantuan kakitangan kerajaan tersebut untuk melakukannya.

Dalam komunikasi lisan, bahasa yang digunakan bergantung kepada taraf perhubungan antara penutur dengan pendengar dan kebolehan berbahasa masing-masing. Jika kakitangan kerajaan yang ditemui itu terdiri daripada orang yang telah biasa dengan responden, mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Iban dan ada juga kakitangan kerajaan yang merupakan anggota komuniti Rajang-Tanjong, dengan itu mereka menggunakan bahasa Kanowit. Walau bagaimanapun, pemilihan bahasa Kanowit ini jarang berlaku, yang sering digunakan adalah bahasa Iban. Tidak ada seorangpun responden yang mengaku pernah menggunakan bahasa Tanjong dalam domain ini.

Bahasa yang paling sering digunakan adalah bahasa Melayu basahan. Bahasa ini digunakan ketika berhubung dengan kakitangan kerajaan yang terdiri daripada orang Melayu dan juga suku kaum lain. Dalam berhubung dengan suku kaum lain ini, mereka menggunakan sama ada bahasa Melayu basahan atau bahasa Iban. Bahasa Melayu digunakan jika kakitangan kerajaan tersebut tidak berapa dikenali

dan tidak biasa. Bahasa Iban pula digunakan jika kakitangan kerajaan tersebut boleh berbahasa Iban dan telah dikenali serta mereka mempunyai hubungan yang mesra. Dengan adanya hubungan mesra ini, mereka lebih selesa berbual menggunakan bahasa Iban.

Bahasa Melayu standard pula digunakan oleh responden yang boleh bertutur dalam bahasa ini. Seramai 47.2% responden boleh menuturkan bahasa Melayu standard dengan fasih. Walaupun peratusan responden yang boleh menuturkan bahasa Melayu standard dengan fasih agak tinggi, tetapi mereka hanya menggunakan bahasa ini dengan kakitangan kerajaan yang mereka tidak kenali sahaja. Dengan kakitangan kerajaan yang mereka kenal mesra, mereka lebih cenderung memilih menggunakan bahasa Melayu basahan atau bahasa Iban.

Bentuk pemilihan bahasa seperti di atas berlaku dalam perhubungan dua hala antara responden dengan kakitangan kerajaan dan dalam situasi separuh rasmi. Dalam situasi yang rasmi, seperti mesyuarat, taklimat, ucapan dan sebagainya, bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu standard. Namun begitu, tidak ramai anggota komuniti Rajang-Tanjong ini yang terlibat dalam aktiviti sedemikian. Orang yang selalu menyertai aktiviti sedemikian adalah penghulu komuniti ini dan anggota komuniti yang bekerja dengan kerajaan. Sebagai contoh, penghulu sering menghadiri mesyuarat dan taklimat di Pejabat Daerah, walaupun beliau kurang fasih berbahasa Melayu standard, tetapi beliau cuba menggunakan bahasa ini kerana keadaan yang memaksa.

Dalam situasi di mana kakitangan kerajaan datang ke penempatan komuniti ini, bahasa Melayu standard akan digunakan dalam ucapan dan khidmat penterjemah diperlukan untuk menyampaikannya kepada anggota komuniti ini terutama yang tidak boleh memahami bahasa ini. Sebahagian besar responden ini, iaitu 68.1% boleh bertutur dalam bahasa Melayu standard sama ada fasih atau tidak, tetapi ada juga yang hanya faham sedikit sahaja bahasa ini, golongan ini merupakan 11.0% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menggambarkan bahawa sekurang-kurangnya 15% anggota komuniti ini hanya faham sedikit sahaja bahasa Melayu standard. Penulis pernah menyaksikan sendiri satu majlis apabila seorang pegawai kerajaan melawat kawasan perkampungan komuniti ini, pegawai kerajaan tersebut berucap menggunakan bahasa Melayu standard dan seorang anggota komuniti ini bertindak sebagai juru bahasa. Beliau menterjemahkan ucapan pegawai tersebut ke dalam bahasa Iban kerana beliau sendiri tidak boleh berbahasa Tanjong atau Kanowit kerana beliau berketurunan Bidayuh dan masuk ke dalam komuniti ini dengan berkahwin dengan wanita komuniti ini. Beliau juga bertindak sebagai pengerusi majlis tersebut dan dijalankan dalam bahasa Iban.

Secara keseluruhannya diperhatikan bahawa dalam perhubungan lisan, pemilihan bahasa responden dalam domain pemerintahan ini bergantung kepada situasi dan peserta. Dalam situasi formal, responden cuba menggunakan bahasa Melayu standard sebaik mungkin. Dalam situasi separuh formal pula, bahasa yang digunakan bergantung kepada peserta. Jika kakitangan kerajaan yang ditemui itu anggota komuniti ini, bahasa yang digunakan adalah bahasa Kanowit. Tetapi keadaan ini jarang-jarang berlaku kerana jumlah anggota komuniti ini yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan orang

Melayu dan Iban. Bahasa Iban pula digunakan jika kakitangan kerajaan yang ditemui itu terdiri daripada orang Iban dan suku kaum lain selain daripada Melayu serta dikenal mesra oleh responden. Dari pemerhatian yang telah dijalankan di beberapa buah pejabat agensi kerajaan di Kapit, didapati bahasa Iban digunakan dengan begitu meluas sekali. Ada agensi kerajaan yang menampal poster dalam bahasa Iban di pejabat masing-masing di samping terdapat penerbitan yang menggunakan bahasa Iban seperti risalah dan makalah yang diterbitkan oleh Jabatan Pertanian dan Jabatan Penerangan.

Bahasa Melayu basahan pula digunakan apabila berhubung dengan kakitangan kerajaan berbangsa Melayu dan Cina. Bahasa ini juga digunakan dalam perhubungan dengan kakitangan kerajaan yang datang dari suku kaum lain yang tidak dikenali oleh responden. Dalam keadaan ini dapat diperhatikan bahawa faktor kenal mesra juga mempengaruhi pemilihan bahasa walaupun dalam situasi separuh formal.

6.1.8 Domain pekerjaan

Dalam domain pekerjaan, responden ditanya tentang pemilihan bahasa yang mereka lakukan ketika berada di tempat kerja, yakni semasa bersama rakan sekerja, orang atasan dan perhubungan dengan orang awam atas urusan kerja.

Daripada sembilan puluh satu orang responden ini, seramai empat puluh orang daripada mereka adalah bekerja. Mereka bekerja sendiri dan yang paling ramai bekerja dengan pihak swasta, di samping itu ada juga yang bekerja dengan

kerajaan. Responden yang selebihnya, iaitu seramai lima puluh satu orang lagi tidak bekerja. Mereka ini sama ada masih bersekolah atau surirumah ataupun hanya bekerja sebagai penangkap ikan secara kecil-kecilan dan berhuma. Untuk kajian ini, golongan seperti ini tidak dimasukkan dalam golongan bekerja kerana pekerjaan seperti ini mengakibatkan responden amat kurang berinteraksi dengan orang ramai, dengan itu tidak berlaku pemilihan bahasa.

Terdapat juga responden yang bekerja sendiri yang dimasukkan dalam golongan bekerja. Mereka ini bekerja sebagai pengangkut barang di jeti Kapit. Walaupun mereka bekerja sendiri, tetapi mereka perlu berinteraksi dengan orang ramai. Dengan adanya interaksi dengan orang ramai, maka akan berlaku pemilihan bahasa kerana orang ramai yang berurusan di sini terdiri dari berbilang bangsa.

Daripada empat puluh orang responden yang bekerja ini, enam orang daripadanya bekerja di pekan Kapit, iaitu tiga orang sebagai kakitangan kerajaan dan tiga orang lagi bekerja sendiri sebagai pengangkat barang di jeti. Daripada pemerhatian, temu bual dan soal selidik yang telah dijalankan didapati bahawa terdapat dua bahasa yang mereka gunakan, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Iban. Bagi responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan dengan pegawai atasan. Bahasa ini juga digunakan dalam mesyuarat dan dalam penulisan surat rasmi, laporan dan sebagainya. Bahasa Iban pula digunakan dengan rakan sekerja yang telah mesra dan biasa dan yang bukan berketurunan Melayu. Jika rakan sekerja ini berketurunan Melayu, responden akan menggunakan bahasa Melayu basahan.

Bahasa yang digunakan untuk berhubung dengan orang awam yang datang ke pejabat bergantung kepada bangsa orang yang dilawan bercakap. Jika yang datang itu berketurunan Iban atau pribumi yang lain, mereka menggunakan bahasa Iban. Jika yang datang itu berketurunan Melayu atau Cina, mereka akan menggunakan bahasa Melayu. Daripada pemerhatian yang telah dilakukan, didapati biasanya apabila seseorang itu datang ke pejabat, beliau akan ditegur oleh responden dengan menggunakan bahasa Melayu. Bahasa perbualan seterusnya bergantung kepada reaksi orang yang datang tadi, jika orang yang datang itu menjawab dalam bahasa Melayu, maka perbualan seterusnya dalam bahasa Melayu. Jika orang yang datang tadi membalas dengan bahasa Iban, maka bahasa ini digunakan dalam perbualan seterusnya. Di sini jelas kelihatan bahawa penguasaan bahasa orang yang dilawan bercakap akan mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Daripada temu bual yang dilakukan ke atas responden yang bekerja di pejabat kerajaan, didapati hampir semua orang Iban dan Orang Hulu yang berurusan di pejabat menggunakan bahasa Iban apabila disapa, dengan itu responden terus menggunakan bahasa tersebut dalam perbualan seterusnya dengan berlaku alih kod dengan bahasa Melayu. Perkataan dari bahasa Melayu sering dicampurkan dalam perbualan dalam bahasa Iban terutamanya perkataan-perkataan yang bersangkutan dengan pentadbiran dan peraturan.

Bagi responden yang bekerja sebagai pengangkat barang, bahasa yang dipilih bergantung kepada pelanggan mereka. Bahasa Melayu digunakan jika pelanggan berketurunan Melayu dan Cina. Bahasa Iban digunakan untuk berhubung dengan pelanggan berketurunan Iban dan Orang Hulu yang lain. Mereka

menggunakan bahasa Kanowit dengan pelanggan yang berketurunan Tanjong, Kanowit atau percampuran Tanjong dengan Kanowit.

Seramai tiga puluh empat orang responden lagi bekerja dengan beberapa buah syarikat pembalakan di Pelagus dan Belaga yang terletak beberapa kilometer di hulu perkampungan mereka. Di tempat kerja, iaitu di kem-kem balak, responden-responden ini bergaul dengan pekerja balak lain yang terdiri dari orang Cina, Iban dan Orang Hulu yang lain seperti Kayan, Kenyah, Punan, Baketan dan lain-lain. Di tempat kerja ini, mereka menggunakan bahasa Iban dengan pekerja lain yang bukan anggota komuniti Rajang-Tanjong. Di tempat kerja ini juga, responden sering berhubung dengan interlokutor berketurunan Cina. Mereka ini merupakan rakan sekerja ataupun wakil majikan seperti mandur, kerani dan sebagainya. Untuk berhubung dengan mereka ini, responden menggunakan bahasa Melayu basahan. Sesama sendiri pula, responden memilih menggunakan bahasa Kanowit, bahasa Tanjong langsung tidak digunakan.

6.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, didapati pemilihan bahasa dalam domain-domain yang telah ditetapkan di atas dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor utama adalah penguasaan bahasa individu dan penguasaan bahasa interlokutor. Semua responden adalah bilingual dan dalam sesuatu situasi perbualan, mereka akan memilih bahasa yang dapat difahami oleh interlokutornya. Dalam semua kes perhubungan dengan orang luar, didapati anggota komuniti ini melakukan penyesuaian dengan penguasaan bahasa interlokutornya dan bukan sebaliknya. Keadaan ini berlaku

erana komuniti ini merupakan golongan minoriti dan jumlah mereka terlampau sedikit dan dari segi psikologi mereka merasa rendah diri dan dengan itu mereka menggunakan bahasa lain yang lebih dominan seperti bahasa Iban dan bahasa Melayu apabila berhubung dengan orang luar.

Selain daripada itu, situasi dan tempat sesuatu perbualan itu terjadi juga mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Sebahagian besar responden memilih menggunakan bahasa Kanowit di perkampungan mereka. Bahasa ini dipilih kerana bahasa ini merupakan bahasa yang dominan di pusat penempatan mereka, iaitu di Rumah Panjang Penghulu. Rumah panjang ini merupakan kawasan yang paling ramai penghuni. Kebanyakan mereka adalah golongan muda. Seperti yang telah terangkan dalam bab yang lalu, golongan muda ini menguasai bahasa Kanowit, iaitu bahasa Tanjong. Penggunaan bahasa Tanjong pula hanya terhad di kawasan rumah panjang Mbawang dan di kalangan penghuni yang berusia agak lanjut sahaja.

Di luar penempatan, mereka lebih banyak memilih menggunakan bahasa Iban dan ada juga bahasa Melayu. Bahasa Iban dipilih dalam perhubungan sosial dengan orang dari luar komuniti mereka, yang sebahagian besarnya adalah orang Iban dan kaum Orang Ulu yang lain di samping terdapat juga orang Cina. Bahasa Iban ini juga digunakan di gereja dan terdapat sebahagian besar responden yang memilih menggunakan bahasa Iban ketika berdoa bersendirian di gereja. Keadaan ini terjadi kerana suasana tempat itu yang berlatarkan bahasa Iban, dengan itu mereka secara tak langsung terus menggunakannya walaupun untuk berdoa secara sendirian.

Pemilihan bahasa juga dipengaruhi oleh faktor profesional. Bagi responden yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, mereka ini sudah tentulah menggunakan bahasa Melayu, sejajar dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pentadbiran. Walau bagaimanapun, mereka ini kadang kala menggunakan bahasa Iban apabila orang yang datang berurusan dengan mereka ini terdiri daripada orang yang telah mereka kenal mesra atau orang tersebut tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Di sini didapati faktor kenal mesra mengatasi faktor profesional. Tetapi keadaan ini terjadi hanya dalam situasi separuh formal di pejabat terutamanya kaunter perkhidmatan. Di dalam situasi yang formal sepenuhnya, seperti dalam mesyuarat, mereka menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Keadaan ini juga berlaku kepada Penghulu dan Ketua Kampung, mereka menggunakan bahasa Melayu apabila berurusan dengan kakitangan kerajaan. Dari pemerhatian yang dijalankan, didapati mereka berdua menguasai bahasa Melayu dengan baik walaupun mereka tidak mempunyai pendidikan formal bahasa Melayu dan usia mereka juga agak tua, iaitu lebih lima puluh tahun. Kemahiran berbahasa Melayu ini diperolehi melalui kebiasaan berurusan menggunakan bahasa ini, berbanding dengan anggota uniti yang lain yang tidak ada keperluan untuk menggunakannya.